

CHALLENGES OF TERRORISM AND EXTREMISM IN SINGAPORE TODAY - UST H ALI H MOHAMED (Malay version)

Oleh Ustaz Hj Ali Hj Mohamed

Penangkapan Anggota Jemaah Islamiyah (JI)

Tiga bulan setelah peristiwa September 11 2001, masyarakat Singapura telah dikejutkan dengan berita penangkapan pertama anggota Jemaah Islamiyah (JI) oleh Kementerian Dalam Negeri. Berita penangkapan tersebut telah menimbulkan pelbagai reaksi dari segenap lapisan masyarakat Singapura. Berbagai pemikiran dan perasaan timbul di kalangan masyarakat Singapura, sehingga ada yang tidak percaya bahawa perkara sedemikian dapat di lakukan oleh orang Islam Singapura dan mereka yang tergolong dari masyarakat minoriti. Kesimpulannya, kewujudan JI di tanah ini adalah sesuatu yang tidak diinginkan dan dikesali oleh rakyat Singapura dan ia memerlukan perhatian semua pihak.

Kewujudan rangkaian JI di rantau ini, termasuk Singapura telah menonjolkan sejenis ancaman keselamatan yang dihadapi oleh negara Singapura. Singapura yang sekian lama terselamat dari aksi pengganasan sejak kemerdekaan telah sekali lagi menghadapi ancaman yang sedemikian rupa. Masih terbayang lagi di pemikiran rakyat tentang keganasan yang berlaku sewaktu pemerintahan Jepun, komunis, trajedi Natra, rusuhan kaum, dan pembunuhan yang berlaku pada zaman silam Singapura. Apakah dengan wujudnya JI, Singapura akan sekali lagi menghadapi keadaan seperti itu?

Memandangkan Singapura adalah sebuah negara yang kecil dan berbilang kaum, fabrik sosial yang diwujudkan oleh setiap kaum dan bangsa di sini amat tinggi nilainya. Apakah masyarakat Singapura sanggup melihat kemusnahan dan perpecahan di antara kaum sekiranya berlaku aksi keganasan di sini, setelah berdekad-dekad lamanya kita membangun negara yang kecil ini?

Enam tahun telah berlalu sejak berita kemunculan JI di Singapura dan banyak juga langkah dan tindakan yang diambil oleh pemerintah dan rakyat untuk menangani fenomena ini dalam mengekalkan keamanan serta perpaduan kaum. Tidak dinafikan bahawa keganasan itu boleh membawa kepada pepecahan kaum dan kemusnahan infrastruktur. Maka atas dasar inilah, peristiwa penangkapan kumpulan JI telah menyedarkan setiap warga Singapura pentingnya perpaduan kaum dan agama dalam mewujudkan suasana keharmonian dalam

negara berbilang kaum seperti Singapura.

Memupuk Keyakinan Antara Kaum

Peristiwa 11 September 2001 dan penangkapan anggota JI juga mempunyai kesan ke atas hubungan antara kaum dan agama. Antara cabaran besar yang sudah pasti dihadapi oleh masyarakat Islam setempat ialah stereotaip tentang Islam – iaitu mengaitkan Islam dengan keganasan, kemunduran, dan sebagainya.

Untuk meningkatkan hubungan antara kaum dan agama, pemerintah Singapura telah mendorong penubuhan Kumpulan Keyakinan Antara Kaum (IRCC) di kesemua 84 kawasan undi merata pulau. Langkah ini amatlah penting bukan sahaja untuk memupuk perpaduan antara kaum dan agama, tetapi juga untuk mengisi kekurangan pemahaman mengenai aspek pelbagai agama di Singapura. Penubuhan IRCC ini bukan sekadar timbal balas peristiwa 11 September atau penangkapan anggota JI di sini, tetapi ianya adalah satu platform yang bermakna kepada rakyat Singapura.

Masyarakat Singapura telah menyambut baik saranan dan pendekatan yang diambil oleh pemerintah kerana mereka faham bahawa ia adalah sebagai satu peluang keemasan untuk merapatkan jurang pemahaman dan membawa kesan bagi hubungan kaum di negara ini. Bagi masyarakat Islam pula, ia adalah sesuatu yang sewajarnya mengambil kesempatan minat terhadap Islam untuk menjelaskan dan meluaskan perkongsian mengenai ajaran Islam. Ini memperingatkan kita kepada peristiwa Perjanjian Hudaibiyah, iaitu perjanjian yang ditandatangani oleh Rasulullah saw dengan para pemuka Quraisy Mekkah pada tahun keenam hijriyah. Pada zahirnya peristiwa tersebut menggambarkan kerugian di pihak umat Islam tetapi kemudian menjadi faktor kejayaan mereka. Atas dasar ini, umat Islam seharusnya lebih gencar dan proaktif dalam menjayakan dialog antara agama dan peradaban.

Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG): Suatu Usaha Masyarakat

Sebagai masyarakat minoriti, masyarakat Islam Singapura berjaya menghadapi episod JI ini dengan tenang dan rasional. Keutuhan persefahaman antara kaum berbilang masyarakat Singapura yang telah dibina dan dipupuk sejak beberapa dekad yang lalu telah membantu umat Islam Singapura dalam menghadapi fenomena ini secara efektif. Setiap warga Singapura sering diingatkan bahawa kejadian pengangkapan anggota JI di Singapura tiada kaitannya dengan ajaran Islam yang suci, namun ia adalah masalah penyalahgunaan

fahaman agama dan juga kewujudan sifat kebencian, ketidakpuasan dan ketidaksenangan pada diri segelintir orang Islam yang memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar.

Sudah setentunya, pemerintah yang mendapati bahawa para anggota JI yang ditahan itu menggunakan konsep-konsep agama untuk membenarkan operasi mereka, tidak mampu untuk menangani isu ini tanpa mendapatkan kepakaran mereka dalam urusan agama. Ini disebabkan terdapat banyak konsep-konsep agama yang telah disalahfaham dan disalahgunakan oleh mereka yang bergelar ekstrimis. Agama telah digunakan oleh mereka untuk mencapai matlamat dan agenda mereka. Maka atas dasar ini, dan juga untuk kepentingan masyarakat serta memastikan kemurniaan dan kesucian Islam, golongan asatizah telah diundang untuk bersama-sama pemerintah bekerja secara sukarela dalam menangani fahaman pelampau.

Buat pertama kalinya dalam sejarah Singapura kita melihat golongan asatizah bekerja rapat dengan pemerintah dalam menangani isu kenegaraan. Pemerintah Singapura telah memberikan kepercayaan kepada segolongan asatizah untuk membantu dalam pemulihan anggota JI yang ditahan. Pihak pemerintah Singapura memahami benar bahawa isu ini adalah sesuatu yang bersangkutan dengan agama dan harus juga ditangani oleh ahli agama juga. Kepercayaan pemerintah ini telah membuka pintu dan juga peluang bagi segolongan asatizah di Singapura untuk bekerjasama dengan pemerintah dalam membasmi dan membetulkan ideologi kumpulan JI yang songsang.

Kumpulan Pemulihan Keagamaan atau RRG telah ditubuhkan pada 2003 dengan tujuan untuk mengembalikan kebenaran yang telah dicemari oleh golongan yang digelar ekstremis. Dengan tekad dan semangat serta niat yang tulus, sekumpulan asatizah setempat dengan sukarelanya telah memulakan sesi kaunseling keagamaan dengan para tahanan JI pada pertengahan 2004. Konsep-konsep Islami yang suci seperti Jihad, Ummah, Syahid, Takfir, Al-Wala Wal Bara' telah cuba dijelaskan kepada para tahanan dengan pemahaman yang sebenar dan menurut konteks yang sesuai serta realiti kehidupan di Singapura.

Usaha RRG tidak terhenti setakat memberikan kaunseling keagamaan kepada para tahanan JI sahaja. Ia kemudiannya dilanjutkan dengan sesi kaunseling untuk keluarga para tahanan agar pemahaman Islam yang benar juga dapat diwujudkan dalam keluarga mereka. Selain dari itu, masyarakat Islam setempat yang memahami keadaan mereka juga telah bekerjasama dengan menghulurkan bantuan yang diperlukan oleh keluarga para tahanan.

Memandangkan ideologi ganas dan radikal ini ibarat barah yang dapat merebak dengan pesat di kalangan masyarakat kalau tidak ditangani dengan betul dan bijaksana, RRG telah mula menjalankan program-program pencegahan iaitu dengan mendekati dan mendidik masyarakat sejak pertengahan tahun 2005. Program-program tersebut berbentuk ceramah, forum, perbincangan dan juga konvensyen yang bertujuan mendidik dan meningkatkan kesedaran akan bahayanya ideologi ganas dan radikal, di samping memberikan fahaman sebenar akan konsep-konsep agama yang telah disalahgunakan penganas.

RRG tidak bersendirian dalam perjuangannya. Malahan beberapa negara di pelusuk dunia telah mengambil pendekatan yang serupa untuk mengadakan program kaunseling dan rehabilitasi untuk para ekstrimis. Program-program serupa, malah telah dijalankan di negara-negara seperti Arab Saudi, Yaman, Mesir, Maghribi dan juga Jordan. Memandangkan pentingnya pendekatan ini dalam memerangi penganasan, negara-negara barat seperti Amerika dan Britain telah mula memikirkan untuk mengadakan program yang serupa.

Menangani Fahaman Radikal

Dalam menangani isu penganasan dan mengurangkan ancamannya, tidak dinafikan bahawa pendekatan fizikal atau operasional, iaitu menahan dan menangkap mereka yang terlibat dalam aktiviti penganasan, itu penting. Namun, ianya tidak mencukupi sekiranya masyarakat dunia tidak mengambil pendekatan untuk membasmi infrastruktur konseptualnya iaitu, fahaman dan ideologi yang dipegang oleh para ekstrimis. Ini jelas telah kita lihat sejak peristiwa 11 September 2001, di mana dunia penganasan telah mencetuskan tren baru di mana fahaman radikal semakin meluas biarpun mereka kini dilumpuhkan dari segi infrastruktur baikpun kewangan.

Tren ini sebenarnya semakin membimbangkan kerana ideologi ganas yang dipelopori oleh al-Qaeda telah dapat disebarkan dengan jayanya kepada sel-sel penganasan, walaupun yang tiada kaitan dengan al-Qaeda. Malah dengan wujudnya internet, ideologi ganas ini dapat juga dijual kepada individu-individu dari setiap pelosok dunia-lantas tercetusnya tren individu-individu yang telah berjaya dipesongkan ke alam radikal melalui internet.

Jelasnya, mengekang wabak ekstremisme kini semakin mencabar dan memerlukan banyak

kesabaran, semangat tidak putus asa, ide-ide yang inovatif dan kreatif serta kesediaan setiap pihak untuk berganding bahu dan bekerjasama demi untuk meredakan kesan dan bahaya tren radikalisme ini.

Tren Radikalisme Masakini

Rakyat Singapura sekali lagi terkejut dengan berita penangkapan seorang peguam muda yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana ingin melakukan operasi jihad militant yang dipengaruhi menerusi laman internet. Walaupun tren radikalisme melalui internet ini bukan sesuatu yang baru, namun implikasinya amat besar sekali dari sudut keamanan dan keselamatan. Dari sudut keselamatan, tren ini telah terbukti menjadikan seseorang itu menjadi orang yang ganas dan merbahaya. Begitu juga dari sudut agama, ajaran Islam yang difahaminya itu bukan salah sahaja, namun ianya juga didapati dengan cara yang tiada bimbingan dan pengawasan, iaitu mempelajari agama dari laman Internet tanpa penerangan dan bimbingan dari seorang guru.

Dengan kes penangkapan terbaru ini, ia menunjukkan bahawa perjuangan untuk membasmi keganasan dan fahaman radikal di Singapura tidak terhenti setakat peristiwa 11/9 sahaja. Ia menandakan bahawa ancaman fahaman pelampau adalah sesuatu yang harus kita tangani setiap hari dalam kehidupan kita. Setiap rakyat harus memainkan peranan untuk memastikan bahawa ancaman tersebut dapat dikurangkan. Bagi RRG pula, ini menunjukkan bahawa tugas para asatizah juga tidak terhenti setakat menghulurkan kaunseling keagamaan kepada para tahanan 11/9 dan mendidik masyarakat tentang bahaya fahaman pelampau, namun mereka harus terus berfikir dan berusaha untuk memastikan seterusnya agar fahaman ini dapat dikekang dan tidak berleluasa di tanahair ini.

Dari peristiwa "self-radicalisation" yang terbaru ini, juga mengingatkan kita tentang pentingnya masyarakat Singapura untuk terus mendidik para belia kita. Generasi muda kita ini adalah aset yang sangat bernilai bagi masyarakat dan negara. Kita bimbang sekiranya fahaman radikal dan juga gejala-gejala sosial serta keruntuhan akhlak terus berleluasa dalam lingkungan belia kita. Kita bimbang sekiranya mereka tiada bimbingan dan terpimpin. Kita bimbang sekiranya mereka terus hanyut dalam masa kehidupan mereka yang sungguh berharga. Kita bimbang kerana sesiapa sahaja boleh terpengaruh dengan fahaman dan pengamalan yang tidak sihat. Belia merupakan tanggungjawab semua. Ibu bapa hendaklah terus berusaha tanpa mengenal erti putus asa dalam memantau dan mencorak mereka dengan corakan yang disediakan agama dan negara. Setiap individu masyarakat juga

berperanan dalam hal ehwal belia kita

Hikmah Di Sebalik Peristiwa

Setiap kejadian, ada hikmahnya. Begitu apa yang berlaku dan segala yang kita hadapi berhubung isu penganasan dan fahaman pelampau ini juga terkandung hikmah yang begitu banyak. Antaranya peristiwa dan kejadian ini telah membuka ruang perbincangan dengan lebih terbuka. Banyak dialog antara agama dianjurkan. Buat pertama kali, terdapat keprihatinan dan keinginan untuk mengenali Islam dan orang Islam dengan lebih dekat. Ini satu rahmat yang harus digunakan oleh masyarakat Islam. Kita harus gunakan kebijaksanaan untuk mendekati orang bukan Islam, untuk menjelaskan budaya dan aspirasi orang Islam untuk hidup dengan aman sambil memainkan peranan untuk kepentingan kemajuan bersama.

Amatlah penting bagi masyarakat Singapura merasakan bahawa antara hikmah yang terbesar dari peristiwa ini ialah besarnya nilai keamanan sebuah negara. Rakyat Singapura selama ini telah mengecap nikmat keamanan, kedamaian dan kesejahteraan di negara ini. Nukmat-nikmat ini mungkin tidak dirasakan oleh penduduk-penduduk di sebahagian negara-negara lain. Telah menjadikan satu kewajipan bagi masyarakat untuk menjaga dan mengekalkan nikmat yang menjadi hikmah yang terbesar dari segala apa yang berlaku di negara kita ini.

Meniti Hari Depan. Menerapkan Nilai Muslim Singapura

Dalam kita mengharungi cabaran-cabaran yang disebut di atas, haruslah kita memiliki panduan dan menerapkan nilai-nilai yang mencerminkan kehidupan seorang Muslim yang hidup di negara sekular seperti di Singapura ini. Dengan adanya nilai-nilai ini, masyarakat Islam dipercayai dapat menjalankan kehidupan yang baik sebagai seorang Muslim Singapura dan juga menjalinkan hubungan yang baik dengan semua lapisan masyarakat dan negara. Antara nilai-nilai tersebut adalah:-

- Iman atau I'tiqad yang menjadi kepercayaan dan pegangan seorang Muslim itu berdasarkan fahaman dan kepercayaan yang benar. Ini adalah sesuatu yang asas untuk memperkuatkan jati diri dan keimanan kita. Kita memerlukan pendekatan agama yang terbaik yang harus kita perolehi untuk menjalankan kehidupan sebagai seorang muslim dan mukmin.
- Dalam pelaksanaan agama, haruslah diwujudkan pengamalan dan fahaman yang sesuai berdasarkan keinginan masing-masing selagi ianya berlandaskan apa yang telah disalurkan agama. Ini harus dilaksanakan tanpa mengata, memperkecilkan dan menyalahkan yang lain

demi menjaga paerpaduan dalam pengamalan masing-masing. Pada waktu yang sama, amat penting bagi semua untuk menolak sama sekali fahaman ekstrimis dan segala gejala yang tidak baik dengan terang demi kesejahteraan semua.

- Amalan hormat-menghormati dan kasih sayang amatlah diperlukan antara satu sama lain walaupun terdapat ikhtilaf dan perbezaan pendapat dalam memahami dan menjalankan sesuatu. Dengan adanya sifat murni, masyarakat akan hidup dalam penuh persefahaman yang baik.
- Muslim Singapura harus menunjukkan Ihsan dalam perilaku dan tindakannya. Sifat Ihsan ini dapat dibuktikan dengan sifat rahmat iaitu kasih sayang dan penonjolan akhlak yang baik kepada semua tidak kira siapa. Haruslah kita paparkan bahwa Islam adalah agama rahmat yang sentiasa membawa kesejahteraan.
- Sebagai Muslim Singapura, setiap individu Muslim harus mewujudkan kehidupan yang harmonis antara kaum. Dalam sebuah negara yang berbilang kaum, agama dan bangsa, sifat ini amatlah penting diwujudkan dalam usaha mengekalkan keamanan dan kesejahteraan.
- Berlumba-lumba untuk memakmurkan dunia ini menjadi tanggungjawab setiap Muslim. Itulah tujuan insan diciptakan Allah swt untuk memakmurkan dan memajukan bumi Allah ini. Seorang Muslim yang baik adalah Muslim yang memakmurkan dunia dalam semua bidang, duniawi dan ukhrawi termasuk ibadah, pengamalan, pendidikan, ekonomi, pembangunan sosial, kesihatan dan juga kepimpinan.

Dengan adanya nilai-nilai yang tersebut di atas, setiap Muslim di Singapura akan berjaya menjadi Muslim Singapura yang baik, muslim yang hidup dalam suasana harmoni dan persefahaman dalam sebuah negara kecil, sekular dan berbilang sosial. Dalam menjalankan amanah dan tugas sebagai hamba Allah dan rakyat Singapura, harus difahami bahawa menjaga keselamatan dan keharmonian agama adalah tanggungjawab bersama. Begitu juga dalam perjuangan meluruskan fahaman radikal dan penyelewengan adalah tanggungjawab yang harus dipikul oleh semua pihak dan setiap individu, tidak kira siapa sahaja dan juga tidak mengira kaum dan agama. Semoga dengan penerapan nilai-nilai Muslim Singapura ini, kita dapat menjana dan membangunkan sebuah masyarakat dan negara yang maju dan berjaya.

Artikel pandangan:

Ustaz Hj Ali Hj Mohamed

Ketua Kumpulam Pemulihan Keagamaan (RRG)